Rujukan: **Borang BPG2**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# SURAT AKU JANJI BANTUAN PENGAJIAN GURU PRASEKOLAH SWASTA

Saya, ……………………………………………… No. Kad Pengenalan: …………………
Beralamat di ……………………………………………………………………………
dengan sesungguhnya berikrar dan berjanji bahawa saya:

i) dengan sedaya upaya akan mengikuti Pengajian seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran dengan menghadiri kuliah, seminar, ceramah, tutorial dan apa-apa program yang dijalankan institusi.

ii) akan menghadiri semua ujian dan peperiksaan yang disyaratkan dan berkaitan dengan Pengajian untuk dianugerahkan Diploma sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Tawaran dari Institusi .

iii) akan menyempurnakan kursus Pengajian dengan jayanya dalam tempoh yang telah ditetapkan.

iv) tidak boleh menukar Kursus dan/atau tempat Pengajian ke institusi selain daripada yang telah dipilih tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Kerajaan.

v) tidak boleh melanjutkan tempoh dan/atau menangguhkan Pengajian tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Institusi.

vi) tidak boleh meninggalkan Pengajian sebelum sempurnanya Pengajian itu tanpa persetujuan Institusi.

vii) akan tertakluk kepada apa-apa perundangan dan apa-apa peraturan lain sebagaimana yang berkuatkuasa di institusi.

viii) apabila menamatkan Pengajian dengan jayanya atau tidak, akan terus berkhidmat dengan Institusi tempat saya bekerja; atau di mana-mana institusi yang menjalankan Pendidikan Prasekolah yang berdaftar dengan Kerajaan.

ix) tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut yang mana pindaan tersebut hendaklah dibaca sebagai sebahagian daripada Aku Janji ini dan Kerajaan berhak meminda apa-apa peraturan dan syarat-syarat di atas dan/atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan.

Saya sesungguhnya berikrar dan berjanji akan memberi sepenuh perhatian dan tanggungjawab saya untuk meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah di Malaysia, dan untuk membantu Kerajaan memastikan masa hadapan yang lebih baik bagi semua kanak-kanak di Malaysia.

| | |
|---|---|
| …………………….. | ……………………………… |
| Tandatangan Guru | Pengarah<br>Bahagian Pendidikan Swasta |